

Ruj Kami: (47) MBPJ/090100/T/M13 Jld 5  
Tarikh: 9 April 2012

## **KENYATAAN MEDIA**

Nur Nazlina Nadzri  
Utusan Melayu (M) Bhd,  
46M, Jalan Lima  
Off Jalan Chan Sow Lin,  
55200 Kuala Lumpur.

Puan,

### **MAKLUMBALAS UTUSAN MALAYSIA BERTAJUK “MBPJ DIMINTA SENGGARA PPR, JADIKAN DBKL SEBAGAI CONTOH”.**

Merujuk kepada keratan akhbar yang bertajuk seperti di atas yang bertarikh 30 Mac 2012, adalah tidak dapat dinafikan bahawa kebanyakan peralatan di PPR Kota Damansara telah rosak, hilang dan tidak berfungsi. Keadaan ini juga berlaku adalah disebabkan oleh aktiviti vandalisma oleh individu yang tidak bertanggungjawab bagi tujuan mencuri serta menjual komponen-komponen lif serta peralatan di PPR. Kegiatan pencerobohan dan aktiviti vandalisma ini telah menyebabkan lif, peralatan elektrik seperti lampu koridor, besi penghadang tangga serta unit-unit kosong di PPR Kota Damansara keseluruhannya rosak dan tidak boleh ditawarkan kepada penyewa baru.

Merujuk kepada isu kerosakan lif di PPR Kota Damansara, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menjangkakan kerja-kerja memperbaiki lif di PPR Kota Damansara dapat disiapkan selewat-lewatnya pada akhir April ini.

Sepertimana makluman dan kenyataan yang telah dikeluarkan oleh Yang Bhg. Datuk Bandar MBPJ bertarikh 30 Mac 2012, kerja-kerja baik pulih lif dan pam air oleh kontraktor dilantik di PPR Kota Damansara tergendala selama ini berikutan beberapa komponen penting bagi memperbaiki lif dan pam air dicuri oleh pihak yang tidak bertanggungjawab

Sehingga kini, Majlis telah memperuntukkan RM2,909,650.00 bagi menggantikan komponen lif kepada Syarikat lif MS Elevator (M) Sdn. Bhd. bagi kerja-kerja baik pulih lif tersebut. Sebelum ini juga MBPJ telah beberapa kali membelanjakan duit bagi tujuan membaiki lif di PPR Kota Damansara namun ianya tergendala berikutan kabel utama di setiap lif yang sedang dibaik pulih dicuri .

Sehubungan itu, sebagai langkah untuk mengatasi masalah kecurian kabel dan komponen lif tersebut, pihak MBPJ kini telah memasang pintu besi di bilik motor lif bagi tujuan mengelak kecurian berulang bagi meneruskan kerja baik pulih yang dijangka siap pada akhir bulan ini.

Dengan itu, penduduk sewajarnya tidak menyalahkan pihak MBPJ sekiranya kerja baik pulih tergendala, memandangkan sebagai PBT yang prihatin, Majlis telah buat sehabis baik untuk memastikan penyewa mendapat keselesaan dan kemudahan terbaik.

Sepertimana yang telah sedia maklum, aktiviti vandalisma di PPR Majlis adalah terlalu tinggi dan begitu sukar untuk dibendung, yang mana setiap kali pembaikan dilakukan oleh pihak Majlis bagi setiap kerosakan peralatan, kejadian yang sama pasti akan berulang.

Tidak dapat dinafikan juga bahawa Majlis menghadapi kesukaran dalam mengutip sewa sehingga menyebabkan tunggakan yang tinggi. Kebanyakan penghuni yang menyewa PPR adalah begitu sukar untuk menjelaskan tunggakan sewa mereka dengan alasan tidak mampu, tiada pendapatan tetap dan juga mempunyai tanggungan yang ramai. Keadaan ini telah menyebabkan tiada hasil kepada Majlis sedangkan Majlis terpaksa menanggung kos bagi pembaikan PPR.

Berdasarkan rekod penyewaan Majlis, rata-rata penyewa mempunyai tunggakan sewa sehingga ada yang mencecah RM13,116.00 ( 52 bulan tunggakan ). Sehingga kini jumlah keseluruhan tunggakan sewa bagi PPR Kota Damansara telah mencecah RM2 juta belum ditambah dengan lain-lain kos termasuk kegagalan penyewa menjelaskan bil air dan elektrik sehingga menyebabkan tanggungan hutang kepada pihak SYABAS dan TNB yang mana bagi isu air telah menyebabkan beberapa kali pemotongan bekalan air oleh SYABAS. Atas dasar prihatin, pihak MBPJ telah beberapa kali mendahulukan pembayaran kepada SYABAS bagi membolehkan penyambungan semula bekalan air untuk kemudahan dan kegunaan penduduk.

Pihak Majlis amat mengharapkan bantuan serta kerjasama daripada penduduk dikawasan tersebut untuk menyelesaikan tunggakan sewa bagi unit yang diduduki oleh mereka bagi membolehkan Majlis sentiasa menyediakan kemudahan yang terbaik kepada mereka.

Tidak ketinggalan mereka juga disaran agar menyelesaikan tunggakan bil air dan elektrik kepada pihak tertentu bagi tujuan mengelakkan pemotongan bekalan air dan elektrik oleh Syabas dan TNB.

Penduduk sekali lagi disaran untuk mengambil bahagian dalam menjaga dan memastikan peralatan dan harta-harta awam tidak dicerobohi dan divandalisma oleh individu yang tidak bertanggungjawab. Kerjasama dan sikap bertanggungjawab penduduk akan mewujudkan keadaan PPR yang ceria, selesa, aman dan harmoni tanpa menyalahkan mana-mana pihak.

Disediakan oleh :

**Sekretariat Media**  
**Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

Laman web : [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my) , facebook: Petaling Jaya City Council,  
twitter : pjcouncil, emel : [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my)  
Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi :  
Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604,  
[zainun@mbpj.gov.my](mailto:zainun@mbpj.gov.my)  
Penolong Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, En Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar,  
017-6946884, [ahmadiskandar@mbpj.gov.my](mailto:ahmadiskandar@mbpj.gov.my)